

Penurunan OPR tidak akan jejas ringgit – Penganalisis

utusan 14/7

KUALA LUMPUR 13 Julai - Tindakan Bank Negara Malaysia (BNM) menurunkan kadar dasar semalaman (OPR) kepada 3.00 peratus tidak akan memberi sebarang kesan buruk terhadap ringgit, kata Naib Presiden dan Ketua Penyelidikan

Runcit Affin Hwang Investment Bank, Datuk Dr. Nazri Adam Khan.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan bahawa perkembangan itu sebaliknya akan memacu prestasi ringgit dengan syarat ia

seiring kemasukan lebih banyak pelaburan asing ke dalam negara.

BNM yang mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) hari ini, mengumumkan penurunan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus berbanding 3.25 peratus yang dilaksanakan sejak Julai 2014.

“Kita masih memiliki kelebihan kerana kadar faedah itu masih tinggi biarpun pada 3.00 peratus. Oleh itu, di Affin Hwang misalnya, nilai saksama rasmi bagi ringgit adalah antara 3.95

dan 4.00 pada tahun ini,” katanya kepada *Bernama*.

Menurut Nazri, selain Malaysia, negara-negara lain juga dijangka menurunkan kadar faedah masing-masing dalam usaha menangani impak pertumbuhan ekonomi luaran, khususnya selepas United Kingdom membuat undian ‘Brexit’ untuk keluar daripada blok Kesatuan Eropah.

“Kita sendiri tidak menjangkakan BNM untuk menurunkan kadar itu (sekarang), tetapi pada September depan.